

Mengapa graduan pendidikan menuntut penempatan? (Bahagian 3)

ISU penempatan graduan pendidikan akan berterusan tanpa penyelesaian yang menyeluruh daripada kerajaan. Ia bukanlah masalah untuk graduan secara individu semata-mata, malah boleh mempengaruhi situasi ekonomi dan sosial negara.

Masalah ini sistemik, bermakna ia perlu diatasi dengan perubahan sistem. Ia melibatkan sistem pengajian di universiti, sistem pengambilan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP) sehingga penempatan dan penentuan opsyen guru di sekolah.

Jika semua ini berjaya disusun semula oleh kerajaan, penempatan graduan dapat dilakukan secara sistematik dan matlamat asal untuk meningkatkan kualiti profesion keguruan dapat digerakkan semula.

Impak ekonomi

Sebelum pandemik, negara berada dalam kadar guna tenaga penuh selama puluhan tahun. Walau bagaimanapun, ia tidaklah sepenuhnya baik kerana kadar individu yang mempunyai pekerjaan lebih rendah daripada kelayakan juga tinggi.

Menurut Jabatan Perangkaan, purata 32.7 peratus daripada keseluruhan individu berpekerjaan pada suku pertama 2017 hingga suku keempat 2019 bekerja di bawah taraf kelayakannya. Jumlah ini meningkat kepada 36.8 peratus pada suku ketiga 2020, sebahagian besarnya disebabkan pandemik.

Terpaksa bekerja di luar bidang menyebabkan kemahiran graduan semakin terhakis. Ini menyukarkan graduan untuk kembali bekerja dalam bidangnya apabila berpeluang. Dalam kes graduan pendidikan, sekiranya belum dapat panggilan penempatan, bekerja dalam bidang pendidikan sektor swasta ialah pilihan terbaik. Namun, bukan mudah untuk mendapat peluang tersebut memandangkan stigma majikan swasta yang takut mengambil graduan pendidikan bekerja.

Lebih ramai yang bekerja di bawah taraf kelayakannya juga menyebabkan individu tersebut sukar keluar dari perangkap kemiskinan. Kerja-kerja tersebut menawarkan gaji yang rendah sekali gus, mengurangkan kemampuan individu untuk berbelanja. Dalam jangka masa panjang, ia boleh mengakibatkan penyusutan permintaan pengguna dan memberi kesan kepada keluaran dalam negara kasar (KDNK).

Ramai dalam kalangan graduan pendidikan bekerja di luar bidang dengan tawaran gaji rendah seperti yang diterangkan dalam artikel ini. Hal ini jika dibiarkan berterusan akan memberi kesan kepada ekonomi individu dan negara.

Impak sosial

Hasrat kerajaan untuk meningkatkan kualiti profesion keguruan seperti yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 tidak akan tercapai jika sistem pengambilan guru masih kucar-kacir seperti ketika ini.

Walaupun tujuannya positif, pelaksanaannya perlu selari agar apa yang diimpikan dapat dicapai. Ketika ini, sistem permohonan dan temu duga tidak dapat menjadi penyaring kualiti guru yang komprehensif

kerana di sekolah-sekolah masih terdapat guru yang mengajar bukan opsyen dan kekosongan tidak dapat diisi sepenuhnya.

Keluhan graduan pendidikan muzik menjelaskan perkara ini apabila mereka sukar mendapat penempatan sedangkan di sekolah-sekolah, guru yang mengajar pendidikan muzik ramai yang bukan dari bidang tersebut. Pendidikan muzik bukanlah subjek yang boleh diajar oleh sesiapa sahaja tanpa pengetahuan mendalam dalam bidang itu.

Potensi graduan juga banyak yang terbazir kerana ilmu mereka dalam subjek minor yang diambil di universiti tidak dimanfaatkan. Ramai graduan mengeluh kerana tidak dipertimbang untuk mengajar subjek minor apabila subjek major mereka tidak banyak kekosongan untuk diisi.

Kualiti guru merupakan elemen penting dalam usaha membangunkan pendidikan negara. Jika ikhtisas graduan pendidikan tidak dipandang, segala ilmu yang dituntut selama empat tahun di universiti tidak dapat dimanfaatkan.

Dilema graduan

Dalam keadaan sekarang, graduan hanya punya dua pilihan. Pilihan pertama, terus menunggu penempatan yang tidak pasti demi cita-cita kuat untuk menjadi guru. Graduan yang mengambil pilihan ini mungkin terpaksa menanggung cabaran menampung kehidupan kerana kesukaran mendapatkan pekerjaan sementara menunggu peluang penempatan.

Jika cabarannya tinggi, graduan ini akan menjadi sebahagian daripada statistik bekerja di bawah taraf kelayakan negara. Kuasa membelinya rendah kerana pendapatan yang rendah dan beban kebajikan yang ditanggung kerajaan perlu disalurkan kepada mereka yang sebenarnya berpotensi menjana pendapatan sederhana dan tinggi sendiri, tetapi dinafikan peluang.

Pilihan kedua, lupakan terus impian menjadi guru dan mencari peluang pekerjaan di luar bidang dengan taraf serta kadar gaji yang berpatutan. Untuk mendapatkan pekerjaan di luar bidang yang menjamin masa hadapan, majikan memerlukan jaminan daripada graduan untuk tidak hilang selepas menerima peluang penempatan.

Kebanyakan mereka yang berjaya mendapat pekerjaan yang baik di luar bidang pendidikan perlu memberikan jaminan ini dalam temu duga. Namun, bukan semua graduan pendidikan sanggup melupakan impian menjadi guru yang telah dipasak dalam pemikiran mereka sejak langkah pertama menjadi pelajar pendidikan.

Buat yang mempersoal perjuangan graduan pendidikan menuntut penempatan, tiga bahagian analisis ini menjawab soalan anda. Boleh baca bahagian pertama di sini dan kedua di sini. Semoga urusan graduan pendidikan menuntut hak penempatan mereka dipermudah. – RELEVAN

<https://relevan.com.my/2022/03/09/mengapa-graduan-pendidikan-tuntut-penempatan-bahagian-3/>